

Petugas khas tingkat sistem penyampaian khidmat awam

Langkah bagi percepat proses pemulihan ekonomi: PM

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Satu jawatankuasa atau pasukan petugas khas perlu dibentuk untuk meneliti dan mengubah sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi membolehkan pemulihan ekonomi dengan lebih pantas, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri menegaskan, langkah itu penting supaya pemulihan ekonomi negara yang terjejas teruk berikutan pandemik COVID-19 tidak terbantut dengan kerenah birokrasi yang tidak perlu.

"Jika tidak ada langkah baharu dibuat, saya takut dan bimbang urusan untuk kita memulihkan semula ekonomi negara tidak akan berlaku se pantas yang kita harapkan.

"Di hadapan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali; Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor; Datuk Azmi Rohani, saya ingin usulkan supaya dibentuk satu jawatankuasa atau pasukan petugas untuk meneliti bagaimana cara yang kita guna pakai selama ini (sistem penyampaian perkhidmatan awam) dapat kita ubah suai.

"Namun, pengubahsuaian yang dilakukan perlu tanpa kompromi aturan utama dari segi kewangan. Jika tidak ada perubahan aturan kerja, kita akan gagal memulih-



Muhyiddin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman pada Sesi Townhall bersama Penjawat Awam di Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)

kan ekonomi dan kesannya adalah kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negeri ini berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama penjawat awam Johor, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafriul Tengku Abdul Aziz; Hasni, Mohd Zuki dan Azmi.

Muhyiddin berkata, penjawat awam adalah instrumen penting bagi membolehkan ekonomi negara terus berkembang dengan rancak.

"Negara kita dipuji kerana menjadi antara yang terbaik di dunia dalam melakukan langkah pengawalan penularan COVID-19, namun saya risau jika

tiada perubahan dalam cara kerja yang masih sama dan tiada anjakan daripada sebelum ini, negara kita akan ketinggalan pula dalam pemulihan ekonomi.

"Saya mohon supaya penjawat awam bantu usahawan, pelabur dan pelawat dengan memudahkan urusan mereka, termasuk dalam memudahkan kelulusan lesen dan sebagainya supaya ekonomi negara kembali pulih dengan pantas.

"Walaupun pakej rangsangan ekonomi bernilai RM295 bilion, yang juga pakej rangsangan paling besar dalam sejarah negara dan sebahagian besarnya sudah diagih bagi memulihkan ekonomi kita ketika ini, ia tidak mencukupi.

"Perlu ada tindakan susulan lain termasuk ubah suai sistem pe-

nyampaian perkhidmatan awam negara," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan terus komited meletakkan usaha memerangi rasuah sebagai agenda utama menerusi Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Katanya, integriti adalah penanda aras keyakinan rakyat kepada kerajaan kerana budaya rasuah adalah perkara yang tidak baik untuk diamalkan.

"Sebagai penjawat awam, tentu amanah yang dipikul perlu ditutut dan dilaksanakan dengan penuh integriti. Sejak saya dilantik sebagai Perdana Menteri, saya amat komited dalam soal ini berdasarkan NACP yang dibuat oleh pentadbiran lalu yang kita akan teruskan," katanya.